

e-MAJALAH

# DARUL ULUM

## MALAYSIA

NO. KELUARAN : 03/01/01/2021 | JAMADIL AKHIR 1442 | JANUARI 2021

Kejayaan Dalam Agama



MALAYSIA

*Sejarah Islam*

Pembukaan Cyprus

### ARTIKEL BAHASA INGGERIS

*Mullah is a special Wali*

**Sayyidina Tamim ad-Daari** ﷺ

*Menghalau api kembali ke tempatnya  
hanya dengan menggunakan tangan*

**Azam Tahun Baru :**  
**biar sehingga dikira pahala**

*Kerana bukan semua Niat  
yang baik itu dikira pahala  
sehinggalah...*

Gambar : Masjid Negara, Kuala Lumpur, Malaysia



PERTUBUHAN AMAL DARUL ULUM (PPM-021-14-19082020)

Alamat : No.66 Jalan 6/149J, Seri Petaling, 57000 Kuala Lumpur.

Laman web : <http://darululum.my>

Emel : dumalaysia@gmail.com

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
NATIONAL MOSQUE

# PENDIRIAN

Dengan nama Allah ﷺ, segala puji bagi Allah ﷺ, Tuhan sekalian alam. Hanya kepadaNya kami mohon pertolongan dalam perkara dunia dan agama. Selawat dan salam buat Rasul junjungan, penutup kenabian, Nabi Muhammad ﷺ dan keluarga dan para sahabat baginda. Tidak ada daya dan upaya melainkan dengan pertolongan Allah Maha Tinggi Maha Agung.

Suka untuk kami nyatakan bahawa kami dan juga para akabir mengikut mazhab imam dari salasilah kenabian, mujtahid agung sepanjang zaman, zahid dan wali Allah, Imam Muhammad ibn Idris al-Syafi'i ﷺ, dalam perkara berkaitan fiqh. Kami mengikut mazhab para imam yang benar, Abu al-Hasan al-Ash'ari ﷺ dan Abu Mansur al-Maturidi ﷺ, dalam perkara aqidah. Salasilah kami dalam tasawuf berkesinambungan dengan kaedah suci tarekat Chistiyyah, kaedah terbilang tarekat Naqshabandiyah, kaedah murni tarekat Qadiriyyah dan kaedah yang diredai tarekat Suhrawardiyyah.

Kami tidak berbicara dalam perkara yang berkaitan dengan agama melainkan kami mempunyai bukti dari Al-Qur'an, Sunnah, ijmak para ulama atau pandangan daripada salah seorang imam mujtahid. Di samping kenyataan ini, tidak kami mengisyiharkan bahawa kami maksum dari melakukan sebarang kesalahan, sama ada kesilapan daripada coretan pena atau tutur kata. Oleh itu, jika nyata kami melakukan kesalahan dalam kenyataan kami, tidak kira sama ada ia mengenai usul atau furu, malu tidak menghalang kami daripada menarik balik pendapat kami dan mengisyiharkan kesilapan tersebut.

Oleh itu, jika para ulama berpendapat bahawa kami telah melakukan kesilapan dalam sesuatu perkara, jika kesilapan itu mengenai perkara 'aqidah, adalah perlu bagi mereka menyatakan pandangan mereka dan bukti daripada ulama 'aqidah. Jika kesilapan tersebut adalah berkenaan masalah fiqh, maka adalah perlu untuk mengemukakan hujjah daripada pandangan fuqaha. Jika sedemikian, dengan kehendak Allah, maka kami akan menerima dengan hati yang terbuka, lapang dada dan kesyukuran dari ruh dan jiwa kami.

## PRAKATA e-MAJALAH 03

Rasulullah ﷺ bersabda, "Sesungguhnya orang yang paling berjaya ialah orang yang hari ini lebih baik daripada semalam dan orang yang gagal adalah orang yang hari ini lebih teruk daripada semalam, manakala orang yang terpedaya adalah orang yang hari ini sama dengan hari semalam." (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim). Peningkatan dari segi iman dan amal di dalam diri seseorang umat Islam itu adalah sesuatu yang perlu. Usaha perlu dilakukan sehingga agama yang ada hari ini mencapai tahap agama yang ditinggalkan oleh junjungan besar kita Nabi Muhammad ﷺ. Kerana itu setiap daripada kita perlu mempunyai niat untuk menjadi mukmin yang lebih baik di samping membuat usaha agar umat Islam yang lain juga mempunyai niat yang sama. Namun untuk mengetahui sejauh mana niat dan usaha kita itu benar-benar berada di atas landasan agama maka perlu bagi kita untuk berdamping dengan para ulama untuk mendapatkan bimbingan di dalam kehidupan ini.

# SIDANG REDAKSI

## Pengurus

Ustaz Lukman Bin Mohd Hasbi

## Ketua Pengarang

Ustaz Huzaifah Bin Jamaluddin

## Penulis Kehormat

Ustaz Ahmad Lutfi Bin Muharam  
Ustaz Abdul Fatah Bin Abdullah@Abas  
Ustaz Umair Bin Abdul Ghaffar  
Ustaz Abdul Rahman Bin Harman Shah Raniri  
Ustaz Wan Aswadi  
Ustaz Syauqi Bin Mohd Halim  
Fuad Akmal Bin Mohamad Zahir  
Mohd Khairi Bin Tajudin

## PENERBIT

PERTUBUHAN AMAL DARUL ULUM  
(PPM-021-14-19082020)  
No.66 Jalan 6/149J, Seri Petaling,  
57000 Kuala Lumpur.  
Laman web : <http://darululum.my>  
Emel : dumalaysia@gmail.com  
Tel : +6010 320 1200

## SLOGAN

### Kejayaan Dalam Agama

Agama ialah menunaikan seluruh perintah Allah ﷺ, meninggalkan seluruh larangan Allah ﷺ, dengan mengikuti cara yang ditunjukkan oleh Nabi ﷺ.

## PENAFIAN

Pihak Darul Ulum Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap artikel yang ditulis di dalam e-Majalah ini. Ia adalah hak milik penulis dan tidak semestinya menggambarkan pendirian Darul Ulum Malaysia.

## HAK CIPTA

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa jua bentuk dengan apa cara jua sama ada elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran daripada pihak kami.

# e-Majalah Darul Ulum Malaysia

## ISI KANDUNGAN

*Ulum*  
**HADIS**

*Rencana*  
**KHAS**

*Wanita:*  
**KISAH SAHABIAH**

*Sejarah*  
**ISLAM**

*Artikel*  
**BAHASA INGGERIS**

*Darul Ulum*  
**DI MALAYSIA**

*Hayatus*  
**SAHABAH**

**01**

Azam Tahun Baharu  
Biar Sehingga Dikira Pahala

**05**

Syiekh ul-Hadis Maulana Muhammad  
Zakariyya al-Kandhalawi ﷺ

**07**

Sayyidatina Ummu Haram ؓ :  
Keazaman yang lestari, kesungguhan  
yang hakiki

**09**

Pembukaan Pulau Cyprus  
Hala Sultan Tekke

**11**

Mullah Nasruddin Jokes : Mullah is a  
special wali.

**13**

Madrasah Al-Quran Sinaran Baru (MQSB)

**17**

Api Mentaati Para Sahabat ﷺ  
Kisah Sayyidina Tamim ad-Daari ﷺ

# HADIS-HADIS TENTANG NIAT

Sayyidina Umar bin al-Khattab ﷺ berkata aku mendengar Nabi ﷺ bersabda, "Sesungguhnya setiap amalan itu bergantung pada niat". (Bukhari)

Sayyidina Sahl bin Sa'ad ؓ berkata bahawa Nabi ﷺ bersabda, "Niat seorang mukmin lebih baik daripada amalannya". (Thabarani dalam al-Mu'jam al-Kabir)

Sayyidina Abu Hurairah ؓ berkata bahawa Nabi ﷺ bersabda, "(Pada hari kiamat) seluruh manusia akan dibangkitkan mengikut niat-niat mereka yakni setiap orang akan diperlakukan berdasarkan niat-niat mereka." (Ibnu Majah)

Sayyidina Abu Darda ؓ meriwayatkan bahawa Nabi ﷺ bersabda, "Sesiapa yang pergi tidur sedangkan dia berniat akan bangun untuk bertahajud pada waktu malam kemudian dia telah dikuasai mengantuk lalu tertidur tidak sedar-sedar sehingga ke subuh maka akan ditulis pahala bertahajud untuknya dan tidurnya itu ialah sedekah daripada Allah ﷺ" (Nasai)

Sayyidina Abdullah bin Abbas ؓ meriwayatkan bahawa Nabi ﷺ bersabda, "Allah ﷺ menyuruh para malaikat menulis keputusan-Nya mengenai dosa dan pahala kemudian Dia menerangkan secara terperinci, sesiapa yang berniat untuk melakukan kebaikan kemudian (kerana sebab-sebab tertentu) dia tidak dapat melaksanakannya maka Allah ﷺ akan tuliskan untuknya satu pahala yang sempurna. Jika dia berniat untuk melakukan kebaikan dan dia dapat melaksanakannya maka Allah ﷺ akan tuliskan untuknya daripada sepuluh pahala sehingga tujuh ratus bahkan lebih daripada itu berkali-kali ganda lagi. Sebaliknya sesiapa yang berniat untuk melakukan kejahanan kemudian dia tidak melakukannya maka Allah ﷺ akan tuliskan untuknya satu pahala yang sempurna (dengan alasan bahawa kerana takutkan Allah ﷺ dia tidak melakukan kejahanan itu) dan jika dia berniat untuk melakukan kejahanan dan dia melakukannya maka Allah ﷺ akan tuliskan untuknya satu dosa sahaja." (Bukhari)

Gambar : Masjid Wilayah, Kuala Lumpur, Malaysia

# AZAM TAHUN BAHARU

## BIAR SEHINGGA DIKIRA PAHALA

Tahun baharu sinonim dengan frasa "azam tahun baharu" yang biasanya dibuat oleh masyarakat sempena kemasukan tahun baharu. Secara umumnya kita boleh sahaja membuat sebarang azam baharu untuk kebaikan setiap hari bahkan pada bila-bila masa.

Azam baharu adalah suatu perkara yang berkaitan dengan niat. Niat itu pula adalah satu juzuk yang penting di dalam agama. Kerana itu kita perlu membuat azam yang terbaik di dalam hidup ini, mudah-mudahan ianya akan menjadi asbab keuntungan di hari kemudian.

Di dalam salah satu petikan kuliahnya, pengarang kitab *Midrajul Fawatih fi syarb Misykat al-Masobih*, Maulana Husnul Hizam Bin Hamzah menerangkan tentang Niat seperti berikut:

### نية المؤمن خير من عمله

"Niat seorang mukmin itu lebih baik daripada amalnya." (Majma' uz-Zawa'id)

Apabila seseorang itu membuat niat maka dia perlu membuat niat yang besar-besar. Sepertimana niat yang dibuat oleh Sayyidina Abu Bakar ؓ iaitu agar badannya dibesarkan sehingga dapat menutup dan menghalang orang lain daripada memasuki neraka.

Contoh yang lain pula ialah apabila seorang wanita itu menyapu sampah di rumahnya maka apakah niat yang dibuat oleh wanita tersebut? Adakah sekadar menyapu sampah untuk membersihkan rumah? Niat besar yang boleh dilakukan oleh wanita tersebut ialah misalnya dia berniat untuk menyapu kesemua kemungkaran keluar daripada dunia ini.

Dalam amalan yang kita lakukan mungkin ada kekurangan berbanding dengan niat yang telah dibuat. Kerana niat itu dibuat dengan sebesar-besarnya dan sebaik-baik niat.

Namun dari segi sifat pula mungkin wujud riyak dalam amal yang dilakukan. Perkara ini akan mengurangkan nilai amal yang dilakukan tadi tetapi perkara ini tidak berlaku di dalam niat.

Terdapat 2 jenis niat iaitu:

1. Niat yang berserta dengan perbuatan (مفترن بالفعل).
2. Niat yang tidak berserta dengan perbuatan (غير مفترن بالفعل).

Adapun "azam tahun baharu" ini termasuk di dalam kategori *Niat yang tidak berserta dengan perbuatan*. Memandangkan kita hanya membuat niat yang akan kita tunaikan pada masa akan datang.

Untuk kategori *Niat yang tidak beserta dengan perbuatan* ini ada 5 tahap pembahagian iaitu:

1. Hajis (هاجس) - Lintasan dalam hati.
2. Khothir (خاطر) - Lekat sebentar dalam hati kemudian dilupai.
3. Hadis un-Nafs (حديث النفس) - Fikir dalam hati.
4. Hamm (هم) - Rancangan.
5. 'Azam (عزم) - Tekad untuk melakukan.

Sebarang niat untuk melakukan Dosa hanya ditulis apabila telah sampai ke tahap ke-5 iaitu 'Azam. Dosa tidak ditulis lagi apabila niat untuk melakukan dosa tersebut pada tahap 1 sehingga 4.

Manakala niat untuk melakukan Pahala pula sudah ditulis apabila telah sampai ke tahap ke-4 iaitu Hamm dan tahap ke-5 iaitu 'Azam. Pahala tidak ditulis lagi apabila niat untuk melakukan pahala tersebut pada tahap 1 hingga 3.

Berdasarkan penerangan di atas dapatlah kita membuat kesimpulan bahawa bukanlah semua "azam tahun baharu" yang kita buat itu akan ditulis sebagai pahala. Perlulah kita membuat usaha untuk menguatkan niat baik kita tadi sehingga ianya menjadi kenyataan.

Niat baik yang akan membawa ganjaran pahala bukanlah sekadar lakonan semata-mata. Sebaliknya ada usaha di sebalik niat baik tadi yang perlu dilakukan sehingga ianya diqabulkan oleh Allah ﷺ.

Setelah segala usaha telah kita ikhtiarkan barulah selayaknya kita berserah kepada Allah ﷺ dan seterusnya berdoa dan bermunajat kepada Allah ﷺ dengan menyedari bahawa segala usaha yang kita lakukan tersebut hanyalah sekadar ikhtiar seorang hamba sedangkan yang berkuasa untuk memberi bekas atas sesuatu hanyalah Allah ﷺ.


- 1** Buat niat baik yang besar-besar. Sering berdamping dengan para ulama dan orang-orang soleh untuk mendapat semangat dan dorongan untuk membuat niat yang besar-besar.
- 2** Kekalkan niat baik tersebut di dalam hati dengan cara sering menzhirkan niat baik tersebut. Salah satu cara untuk menzhirkan niat ialah dengan menceritakan niat baik tadi kepada orang lain dengan tujuan supaya Allah ﷺ mengekalkan niat itu di dalam hati kita.
- 3** Melapangkan masa untuk memikirkan tentang niat baik tadi di dalam hati kita. Salah satu cara untuk menguatkan fikiran tentang niat baik tadi ialah dengan mengajak dan menyediakan orang lain juga untuk membuat kebaikan tersebut. Dengan tujuan supaya Allah ﷺ menguatkan fikir kita terhadap niat baik tadi.
- 4** Mula membuat perancangan seawal mungkin untuk merealisasikan niat baik itu. Sering bermesyuarat dan berbincang dengan para ulama dan orang-orang soleh untuk mendapatkan panduan yang tepat untuk melakukan perancangan sesuai tuntunan Nabi ﷺ.
- 5** Kuatkan tekad untuk melaksanakan niat baik tadi dengan bersedia untuk mengorbankan seluruh harta dan diri (masa) kita demi merealisasikan niat baik tadi.

# مِدْرَاجُ الْفَوَاتِحِ

## فِي شِرْحِ مِشْكُوتَةِ الْمَصَاجِعِ

### MIDRAJ UL-FAWATIH FI SYARH MISYKAT IL-MASOBIH

al-Fadhl al-Ustaz Hasnul Hizam bin Hamzah  
Syaikh ul-Misykat Madrasah Miftahul Ulum Sri Petaling



- Jilid 1 - Kitab Iman & Kitab Ilmu.
- Jilid 2 - Kitab Toharah & Kitab Solat.
- Jilid 3 - Kitab Solat.
- Jilid 4 - Kitab Jenazah, Kitab Zakat, Kitab Puasa.
- Jilid 5 - Kitab Puasa , Kitab Fadilat Quran,  
Kitab Asma ul-Husna , Kitab Doa.
- Jilid 6 - Kitab Manasik( Haji) , Kitab Buyu' ( Muamalat).



MIDRAJUL FAWATIH



0176034897

## Bolehkah sedekah kepada Pencuri, Pelacur dan Orang Kaya itu diterima oleh Allah ﷺ?

Sayyidina Abu Hurairah ﷺ meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda, “Seorang lelaki (daripada Bani Israil) berkata (dalam hatinya) bahawa pada malam ini saya akan bersedekah (secara sembunyi). Lalu (pada waktu malam dia keluar membawa harta yang akan disedekahkan dan tanpa disedari) dia telah memberi sedekah itu kepada seorang pencuri.

Keesokan paginya telah heboh dalam kalangan orang ramai bahawa (malam tadi) seorang pencuri telah diberi sedekah. Maka pemberi sedekah itu berkata, “Ya Allah, segala puji hanya untuk-Mu (walaupun bersedekah tetapi sampai ke tangan pencuri. Jikalau sedekah diberikan kepada orang yang lebih buruk daripadanya sekalipun saya tidak boleh berbuat apa-apa lagi.”

Kemudian dia berazam lagi bahawa pada malam ini pun saya mesti bersedekah (kerana sedekah yang pertama telah sia-sia). Lantaran itu dia telah keluar pada waktu malam membawa harta sedekahnya. (Tanpa disedari) sedekah itu telah diberikan kepada seorang perempuan pelacur.

Keesokan paginya telah heboh dalam kalangan orang ramai bahawa malam tadi seorang pelacur telah diberikan sedekah. Maka pemberi sedekah itu berkata, “Ya Allah, segala puji hanya untuk-Mu (dalam bersedekah kepada pelacur kerana harta saya tidak layak untuk diberi kepada pelacur pun).

Kemudian (untuk kali yang ketiga) dia berniat bahawa pada malam ini dia mesti memberi sedekah. Maka pada malam itu dia keluar membawa harta sedekahnya dan telah memberikan sedekahnya kepada seorang yang kaya.

Keesokan paginya, heboh dalam kalangan orang ramai bahawa semalam seorang kaya telah diberikan sedekah. Pemberi sedekah itu berkata, “Ya Allah, segala puji hanya untuk-Mu (kerana bersedekah kepada pencuri, pelacur dan orang kaya kerana harta saya sebenarnya tidak layak untuk disedekahkan kepada orang yang sedemikian pun).

Telah disampaikan dalam mimpiyah bahawa (sedekah kamu telah diterima). Sedekah kamu kepada si pencuri dilakukan supaya mudah-mudahan dia bertaubat daripada kebiasaananya mencuri.

Sedekah untuk pelacur dilakukan supaya mudah-mudahan dia bertaubat daripada perbuatannya yang keji itu (apabila dia melihat bahawa tanpa melacur pun Allah ﷺ masih memberi rezeki kepadanya maka dia merasa malu).

Sementara sedekah kepada si kaya dilakukan supaya dia mengambil pengajaran (bahawa ada hamba-hamba Allah ﷺ yang bersedekah secara sembunyi) mudah-mudahan dia juga akan membelanjakan harta yang telah dikurniakan oleh Allah ﷺ ke jalan Allah ﷺ.” (Bukhari)

Keterangan: Kerana keikhlasan lelaki itu, sedekah-sedekahnya diterima oleh Allah ﷺ.

Sumber : Kitab Muntakhab Ahadis, Bab Ikhlas.

# Syeikh ul-Hadis

## Maulana Muhammad Zakariyya

### al-Kandhalawi



Syeikh ul-Hadis adalah satu gelaran kehormatan ilmiah di pusat-pusat pengajian tinggi Islam di benua India. Ia digunakan untuk seseorang syeikh yang mengetuai bahagian pengajian hadis di sebuah pusat pengajian.

Namun, gelaran itu tidak sama dengan gelaran “Dekan Fakulti Hadis” di universiti-universiti di negara-negara Arab. Bahkan ia membawa makna yang jauh berbeza.

Pada gelaran Syeikh ul-Hadis terkandung makna yang terdapat pada muhaddisin zaman lampau daripada sifat-sifat mulia dan keistimewaan-keistimewaan dari segi ilmu, kelebihan, kesolehan dan taqwa.

Gelaran Syeikh ul-Hadis juga mengandungi makna yang terdapat pada muhaddis zaman moden dari segi ilmu pengajian perbandingan dan usul ilmiah moden yang khusus.

Selain itu sebagai tambahan, gelaran Syeikh ul-Hadis juga mengandungi makna syeikh serta murabbi kerohanian. Gelaran ini telah digunakan untuk ramai muhaddis yang telah mencapai tahap keilmuan yang tinggi tersebut.

Namun sesungguhnya saya tidak mengetahui seorang pun dalam sejarah India yang telah digelar dengan gelaran tersebut dan gelaran tersebut telah menjadi nama khas dan nama peribadi sehingga Hadrat Maulana Muhammad Zakariyya (1315-1402H atau 1898-1982M) lebih masyhur dan lebih dikenali dengan Syeikh ul-Hadis daripada nama beliau sendiri.

Terdapat banyak contoh dalam sejarah yang menunjukkan gelaran, kuniyah dan nama nisbah mengatasi nama khas dan nama peribadi. Maka kita dapat nama-nama al-Ghazali, Ibnu Taimiyyah dan Ibnu Hajar serta Hujjat ul-Islam, Syeikh ul-Islam dan al-Hafiz dari segi sifat-sifat dan gelaran-gelaran.

Namun saya tidak tahu seseorang pun pada zaman dahulu dan sekarang yang digelar Syeikh ul-Hadis dengan makna yang saya telah terangkan di atas dan makna-makna yang banyak tersirat pada peribadi seorang Syeikh ul-Hadis selain daripada Hadrat Maulana Muhammad Zakariyya .

Sesungguhnya Syeikh ul-Hadis Hadrat Maulana Muhammad Zakariyya telah meninggal dunia pada petang hari Isnin awal bulan Syaaban 1402 H di Madinah Munawwarah setelah beberapa tahun beliau berhijrah ke sana dari Saharanpur, India.

Beliau adalah antara peribadi-peribadi unggul dalam kalangan ulama muhaddisin, ahli zuhud yang banyak beribadat dan masyaikh murabbi sehingga beliau dikenali dalam kalangan ulama dan para muhaddis sebagai Barakat ul-'Ashri, Baqiyat us-Salaf dan Raihanat ul-Muhaddisin.

Sesungguhnya sifat-sifat mulia yang ada pada beliau yang menyebabkan beliau teristimewa daripada para ulama besar, para pemikir Islam dan para masyaikh lain yang sezaman dengan beliau ialah dari beberapa sudut.

**S**udut yang paling ketara dan jelas ialah keseimbangan yang menakjubkan dan kemampuan beliau yang menghairankan dalam mengumpulkan antara tenggelam dalam ilmu, membuat tahkik, kajian, komentar, syarah dan menyusun kitab-kitab dan dapat juga beliau sibuk sepenuhnya dengan ibadat-ibadat yang meletihkan seperti solah-solah sunat, puasa-puasa sunat, berzikir, tilawah al-Quran, wirid-wirid dan amalan-amalan lain.

**B**ersama semua amalan itu, masih juga beliau dapat memberi tumpuan kepada mentarbiah para salikin, memberi tunjuk ajar kepada para pelajar dan penyucian jiwa anak-anak murid yang bilangan mereka mencecah ribuan orang.

**S**edangkan murid-murid itu terdiri daripada kumpulan manusia yang berbeza-beza kebolehan dan kemampuan, datang dari tempat dan negeri yang jauh serta mempunyai kedudukan dan tahap yang berbagai-bagai.

**B**eliau juga masih sempat membalias dan menjawab berpuluhan-puluhan surat yang sampai setiap hari dengan jawaban yang teliti lagi terperinci yang memberi jalan-jalan penyelesaian yang berguna kepada orang-orang yang bertanya dan meminta fatwa.

**D**i samping kesibukan itu semua, beliau masih juga dapat menyambut dan melayan dengan sambutan yang hangat dan layanan yang mesra yang tiada tandingan akan setiap tetamu yang datang berkunjung atau singgah di tempat beliau, serta kemesraan beliau dengan kata-kata yang lembut dan akhlak yang mulia berserta dengan hamparan saprah yang penuh dengan makanan-makanan pelbagai warna.

**I**tu semua beliau dapat lakukan dengan penuh kesedaran, kebijaksanaan yang tiada tandingan, kepintaran yang tajam yang jelas tergambar daripada kedua-dua mata beliau yang tajam berkilauan serta jelas terbayang di dahi beliau yang putih melebar. Kemudian, keadaan itu semua tidak memalingkan

beliau sedikit pun daripada hubungan hatinya dengan Allah.

**K**amu dapat menyedari keadaan itu ketika kamu duduk bersamanya seolah-olah kamu duduk di hadapan seorang lelaki yang hatinya terhubung dengan Rabnya serta syurga dan neraka terbentang di hadapan matanya.

**B**eliau itulah alim rabbani yang memiliki beberapa keistimewaan dan kelebihan. Dengan keistimewaan dan kelebihan itu beliau mengatasi ramai alim ulama yang besar-besaran sezaman dengan beliau bahkan saya bersaksi dengan nama Allah bahawa sesungguhnya mata saya belum pernah nampak orang yang setanding dengan beliau sedangkan kedua-dua mata saya ini telah saksikan ramai ulama Islam yang besar-besaran di seluruh dunia.

**K**eistimewaan beliau itu dari segi hubungan dengan Allah, pengetahuan yang luas, ilmu yang mendalam, kepandaian, kebijaksaan, kesedaran, kejernihan hati, banyaknya kitab-kitab yang dikarang, didatangi oleh orang ramai seumpama lampu dihurung kelekutu.

**S**ifat pemurahnya yang tiada tandingan, ratusan orang berkumpul di saprahnya pada setiap bulan Ramadan, memang belum pernah kedua-dua mata saya melihat mana-mana orang yang terhimpun keistimewaan-keistimewaan ini bersama keseimbangan yang indah dan akhlak kenabian yang mulia selain daripada beliau.

---

Nota penyunting : Syeikh ul-Hadis Maulana Muhammad Zakariyya ﷺ telah meninggal dunia pada petang hari Isnin awal bulan Syaaban 1402H di Madinah dan disemadikan di tanah perkuburan Baqi', Madinah.

Dipetik, diterjemah dan disunting daripada biografi Syeikh ul-Hadis Maulana Muhammad Zakariyya ﷺ, oleh Syeikh Sayyid Salman al-Husaini an-Nadwi ﷺ, Jami'at Nadwat ul-'Ulama, Lucknow, India.

# Sayyidatina Ummu Haram



## Keazaman Yang Lestari, Kesungguhan Yang Hakiki

Nama penuhnya ialah Ummu Haram Binti Milhan ﷺ daripada Bani An-Najjar. Beliau adalah daripada golongan Ansar namun beliau antara golongan yang awal memeluk Islam sebelum penghijrahan Rasulullah ﷺ ke Madinah lagi.

Ramai di kalangan ahli keluarga Sayyidatina Ummu Haram ﷺ adalah para sahabat Rasulullah ﷺ yang ternama dan juga terdiri daripada kalangan syuhada. Kerana itu keazaman Sayyidatina Ummu Haram ﷺ untuk syahid di jalan Allah ﷺ tidak dapat dinafikan lagi.

Suaminya ialah seorang sahabat Rasulullah ﷺ yang ternama iaitu Sayyidina 'Ubادah bin Shomit ﷺ. Sebelum berkahwin dengan Sayyidina 'Ubādah bin Shomit ﷺ beliau berkahwin dengan Sayyidina 'Amr bin Qays ﷺ dan mempunyai seorang anak lelaki iaitu Sayyidina Qays bin 'Amr ﷺ.

Kedua-dua mereka iaitu suami dan anak lelakinya menyertai peperangan Badar. Kemudian mereka berdua menyertai peperangan Uhud dan kedua-duanya syahid dalam peperangan Uhud.

Saudara perempuannya ialah Sayyidatina Ummu Sulaim (Rumaisho atau Ghumaisho) binti Milhan ﷺ, iaitu ibu kepada Sayyidina Anas bin Malik ﷺ.

Dua orang saudara lelakinya iaitu Sayyidina Sulaim Bin Milhan ﷺ dan Sayyidina Haram Bin Milhan ﷺ juga menyertai peperangan Badar dan Uhud dan kemudiannya mereka berdua syahid dalam peristiwa Bi'rū Ma'unah.

Rumah Sayyidatina Ummu Haram ﷺ berdekatan dengan Quba. Apabila Rasulullah ﷺ berada di Quba, baginda ﷺ sering pergi ke rumah Sayyidatina Ummu Haram ﷺ dan keluarganya. Baginda ﷺ sering makan dan berehat serta tidur di rumah mereka.

Baginda ﷺ juga bersolat di dalam rumah mereka (solat sunat) dan mendoakan kebaikan dunia dan akhirat kepada mereka.

Sayyidatina Ummu Haram ﷺ adalah mahram Rasulullah ﷺ. Sebahagian ulamak mengatakan sebabnya ialah Ummu Haram adalah ibu saudara sesusuan Rasulullah ﷺ.

Sebahagian ulamak pula mengatakan bahawa Ummu Haram mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Rasulullah daripada susur galur isteri kepada Abdul Mutallib (datuk Rasulullah ﷺ) yang berasal daripada keturunan Bani An-Najjar.

Keinginan dan keazaman Sayyidatina Ummu Haram ﷺ untuk syahid di jalan Allah bukan sekadar lintasan hati bahkan keazaman ini diusahakan dengan penuh kesungguhan sehingga beliau turut serta di dalam pembukaan Cyprus (Nama Arab : Qubrus) pada usia yang cukup tua demi memburu syahid.

Berikut adalah peristiwa yang diberitakan daripada hadis riwayat Bukhari dan kisah ini dipetik daripada kitab Fadail Amal, bahagian Kisah-Kisah Para Sahabat, Bab 10 Semangat Keagamaan Dalam Kalangan Wanita.

• • • • • • • • • • • • • • • •

Pada suatu ketika, Baginda ﷺ tidur di rumah beliau, kemudian Baginda ﷺ bangun dalam keadaan tersenyum. Sayyidatina Ummu Haram ﷺ bertanya, “Wahai Rasulullah, dikau lebih aku kasih daripada ibu dan ayahku, apakah yang menyebabkan tuan tersenyum?”

Baginda ﷺ bersabda, “Aku telah diperlihatkan beberapa orang daripada umatku pergi berjihad, mereka menyeberangi lautan dengan bahtera. Mereka kelihatan seperti raja-raja duduk di atas singgahsana.”

Sayyidatina Ummu Haram ﷺ berkata, “Ya Rasulullah, tolong doakan agar Allah ﷺ menjadikan saya juga salah seorang daripada mereka.” Rasulullah ﷺ bersabda, “Kamu akan turut serta bersama mereka.” Kemudian Baginda ﷺ tidur kembali dan sekali lagi Baginda ﷺ bangun dalam keadaan tersenyum.

Sekali lagi Sayyidatina Ummu Haram ﷺ bertanya kepada Baginda ﷺ dan Baginda ﷺ memberitahu bahawa Baginda ﷺ bermimpi seperti mimpi kali pertama tadi. Sayyidatina Ummu Haram ﷺ meminta lagi agar beliau dapat menyertai jemaah itu juga. Baginda ﷺ bersabda, “Kamu hanya bersama jemaah pertama tadi.”

Semasa Sayyidina Usman ﷺ menjadi khalifah, Sayyidina Mu'awiyah ﷺ yang merupakan gabenor di Syam pada ketika itu meminta keizinan untuk menawan kepulauan Cyprus. Sayyidina Usman ﷺ pun memberi keizinan kepada beliau.

Sayyidina Mu'awiyah ﷺ telah membawa satu pasukan tentera lalu menyerang kepulauan Cyprus. Sayyidatina Ummu Haram ﷺ bersama suaminya Sayyidina 'Ubudah ﷺ telah menyertai pasukan tersebut.

Ketika beliau sedang mengenderai baghal dalam perjalanan pulang, haiwan itu terkejut dan terlompat-lompat menyebabkan beliau jatuh dari baghal itu dan tenguknya patah lalu meninggal dunia. Beliau telah dikebumikan di sana.

• • • • • • • • • • • • • • • •

## Pembukaan Pulau Cyprus

Islam berkembang pesat khususnya pada zaman pemerintahan khalifah Sayyidina Umar al-Khattab ﷺ. Beberapa wilayah daripada pemerintahan kerajaan Rom dan Parsi telah dibuka oleh umat Islam pada ketika itu.

Pada ketika itu kerajaan Rom telah pun memiliki pasukan tentera laut yang menggunakan kapal-kapal untuk berperang. Salah satu tempat yang dijadikan kubu tentera laut dan depo persenjataan tentera Rom adalah di pulau Cyprus.

Semasa pemerintahan khalifah Sayyidina Umar al-Khattab ﷺ, Sayyidina Mu'awiyah bin Abu Sufian ﷺ yang kemudiannya menjadi gabenor di Syam (sekarang ini meliputi Syria, Palestin, Lubnan dan Jordan) pernah meminta keizinan daripada khalifah untuk membuka Cyprus melalui jalan laut pantai Syria.



Namun Sayyidina Umar al-Khattab ﷺ tidak memberikan keizinan pada ketika itu. Mungkin kerana umat Islam masih belum mempunyai pengalaman dari segi ketenteraan laut.

Pada zaman khalifah Sayyidina Usman bin Affan ﷺ, sekali lagi Sayyidina Mu'awiyah bin Abu Sufian ﷺ meminta keizinan daripada khalifah untuk membuka Cyprus. Khalifah memberikan keizinan. Namun demikian, memandangkan itu adalah kali pertama perjalanan melalui lautan maka khalifah meletakkan syarat bahawa tiada siapa yang boleh dipaksa untuk menyertai ekspedisi tersebut melainkan yang sukarela.

Itulah pasukan tentera laut yang pertama di dalam Islam iaitu pada zaman pemerintahan khalifah Sayyidina Usman bin Affan ﷺ. Antara para sahabat yang turut serta di dalam rombongan tersebut ialah Sayyidina Abu Zar al-Ghfari ﷺ, Sayyidina Abu Darda ﷺ, Sayyidina Syaddad bin Aus ﷺ, Sayyidina Abdullah bin Qays ﷺ, Sayyidina Ubadah bin Shomit ﷺ dan isterinya Sayyidatina Ummu Haram ﷺ.

Sekitar tahun ke-28H pasukan tersebut bertolak ke Cyprus dengan menaiki Bahtera. Mereka berjaya membuka Cyprus dalam ekspedisi tersebut. Dalam perjalanan pulang tersebutlah Sayyidatina Ummu Haram ﷺ syahid dan dikebumikan di sana.

## *Hala Sultan Tekke*

Sayyidatina Ummu Haram ﷺ dikebumikan di sebuah kota bernama Larnaca. Setelah beberapa zaman berlalu, makam beliau masih utuh dan terus menerus dimuliakan oleh segenap lapisan masyarakat di Cyprus termasuklah oleh golongan yang bukan beragama Islam.

Apabila masyarakat di Cyprus ditanya, "kubur siapakah itu?" Maka mereka, sama ada yang beragama Islam atau yang bukan beragama Islam akan menjawab, "itu adalah kubur seorang wanita yang solehah".

Sehingga ke penghujung perang dunia pertama, setiap kapal yang berlayar di sebelah kota Larnaca akan membedil meriam sebagai tanda penghormatan kepada makam Sayyidatina Ummu Haram ﷺ.

Apabila kerajaan Turki Usmaniyyah memerintah Cyprus, sebuah Masjid dibina bersebelahan dengan makam Sayyidatina Ummu Haram ﷺ. Kompleks itu akhirnya diberi nama sebagai Hala Sultan Tekke dan kekal sehingga sekarang.

Perkataan *Hala* bermaksud ibu saudara. Perkataan *Sultan* pula bermaksud seorang pemerintah yang agung. *Hala Sultan* adalah isyarat kepada Sayyidatina Ummu Haram ﷺ yang dikatakan sebagai ibu saudara kepada Rasulullah ﷺ. Perkataan *Tekke* pula bermaksud perkampungan Islam.

Sehingga sekarang kompleks Hala Sultan Tekke dikunjungi oleh segenap lapisan masyarakat dari seluruh dunia sama ada yang beragama Islam atau yang bukan beragama Islam untuk menziarahi makam Sayyidatina Ummu Haram ﷺ.



Gambar : Kompleks Hala Sultan Tekke, kota Larnaca, Cyprus.

# Mullah Nasruddin Jokes

*"Mullah is a special saint"*

Once, Mullah Nasruddin began claiming to be a wali who can do miracle.

People said, "Prove to us that you are a wali who can do miracle."

Mullah Nasruddin said, "I can tell you what you are thinking at this moment."

"Then tell us what we are thinking right now," the people challenged him.

Mullah Nasruddin said, "All of you think that I am a liar."

"It is true what you are saying," confirmed the people mockingly. "No doubt, you are a wali who can do miracle."

.....

Once, while travelling, Mullah Nasruddin walked into a village.

He asked the villagers to gather around him and demanded, "O people, you better arrange some food and drinks for me, now!"

The villagers were shocked to hear that. Then Mullah Nasruddin threatened them, "If you don't entertain my demand, I will give you the same treatment that I gave to the people of the previous village!"

The villagers were simple people. They look at his long beard, flowing robes and his mighty turban and thought that truly, this must be great saint. If he curses us, we might perish. They quickly slaughtered a chicken, had it cooked and presented it to him.

When he had eaten his full, the villagers asked him, "O great one, what did you do to the people of the previous village when they refused to give you food and drinks?"

Mullah Nasruddin caressed his tummy, burped aloud and said, "When I asked them to give me some food, they refused. So I abandoned their village and came to your village. That is what I did! Had you refused me, I would have done the same to you!"

## Peluang Infaq

**Madrasah Tahfiz Al-Quran Darul Falah (MTAQDF)**  
Kampung Baru Rim Jasin, Melaka

# SEDEQAH MENCEGAH WABAK

RASULULLAH SHALLALLAHU 'ALAYHI WA SALLAM BERSABDA,  
“PERBUATAN-PERBUATAN BAIK AKAN MENGHINDARKAN DIRI DARI  
PINTU-PINTU KEBURUKAN, SEDEKAH YANG TERSEMBUNYI ITU  
AKAN MEMADAMKAN AMARAH RABB, DAN MENYAMBUNG TALI  
SILATURAHIM AKAN MENAMBAH UMUR.” [HR. ATH-THABRANI]



## INFAQ SERENDAH RM10



Berita gembira bagi mereka yang mencari jalan untuk menginfaqkan hartanya, Madrasah kami membuka peluang untuk tuan/puan menginfaqkan sebahagian harta di jalan Allah. Sumbangan diperlukan untuk membina bangunan pengajian, bilik kuliah serta menaik taraf prasarana di Madrasah kami yang berjumlah RM1,132,750 dan dijangka siap dalam tempoh 6 bulan hingga 1 tahun bergantung kepada dana sumbangan orang ramai. Sila klik pautan di bawah untuk membuat sumbangan.

<https://infaqdarulfalah.onpay.my/order/form/Infaqpembangunan>

# MADRASAH AL-QURAN SINARAN BARU (MQSB)

## PENGENALAN

Madrasah Al-Quran Sinaran Baru merupakan salah sebuah Institusi Pengajian Islam yang telah ditubuhkan pada tahun 1998 Masihi.

Mula beroperasi di Taman Sentosa, Johor Bharu. Madrasah ini kemudiannya berpindah ke Taman Anggerik, Tampoi.

Tapak madrasah kini yang berada di Lot 3648, Lorong Langsat, Kampung Sinaran Baru, Skudai ini yang diwakafkan oleh Almarhum Tuan Haji Esa b. Md Yunos, mula dibangunkan pada tahun 1998 dan siap sepenuhnya untuk digunakan bagi pengajian tahfiz al-Quran pada tahun 2002.

Pengajian Islam dan bahasa Arab pula telah bermula sejak tahun 2009.

Sehingga kini, madrasah ini telah berjaya melahirkan lebih daripada 150 orang graduan huffaz dan dai'e yang berkhidmat untuk agama, negara dan umat Islam seluruhnya.

## VISI

Melahirkan ulama' daie yang berketerampilan, berwibawa dan bertaqwa yang mampu menyumbang ke arah pembangunan seluruh umat.

## MISI

- Menerapkan ilmu serta bimbingan dan tarbiah mengikut kefahaman Ahli Sunnah wal Jamaah yang berasaskan kepada al-Quran dan as-Sunnah.
- Menjadi pusat kaunseling masyarakat.
- Menjadi 'Qudwah' – ikutan dan rujukan.
- Membangunkan keperibadian pelajar melalui khidmat, interaksi dan penyampaian ilmu kepada masyarakat.
- Menerapkan dan menyuburkan amalan profesional dan semangat kerja secara berjemaah (team work) di kalangan pelajar, pengajar dan pentadbir.
- Menjadi pusat ilmuan yang dihormati.



## PENGAJIAN

- Pengajian Tahfiz Al-Quran
- Pengajian Syahadah Al-Quran
- Pengajian Islam dan Bahasa Arab
- Dauratul Hadis



مَدَارُ الْعِلْمِ الْقُرآنِيَّةِ بِبَارُو

#### PENGAJIAN TAHFIZ AL-QURAN

Pengajian Hafazan al-Quran sepenuh masa. Jangka masa pengajian dari 2 tahun hingga 5 tahun (mengikut kemampuan pelajar).

#### PENGAJIAN SYAHADAH AL-QURAN

- Terbuka kepada semua pelajar Tahfiz dari seluruh Malaysia dan luar negara.
- Tahap pengajian terakhir bagi pengajian Tahfiz al-Quran
- Tempoh pengajian ialah selama 2 tahun (bergantung kepada kemampuan pelajar).
- Pelajar akan mengulang hafalan al-Quran sehingga mampu mengkhatamnya dalam masa satu, dua atau tiga hari sahaja.

#### PENGAJIAN ISLAM DAN BAHASA ARAB

- Pengajian ilmu-ilmu Islam berteraskan pembelajaran kitab secara bersanad.
- Tempoh pengajian adalah selama 8 tahun termasuk 2 tahun Dauratul Hadith.
- Antara ilmu yang dipelajari ialah Saraf, Nahun Mutola'ah, Mantiq, Balaghah, Feqah, Usul, Tafsir dan Hadith secara bersanad.

#### DAURATUL HADIS

- Pembelajaran merangkumi enam kitab hadis utama (sahih sittah) dan beberapa kitab hadis terpilih
- Tempoh pengajian ialah selama dua tahun.
- Peringkat akhir bagi pelajar-pelajar Pengajian Islam dan Bahasa Arab (Alim).



## **SYARAT KELAYAKAN**

- Terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan luar negara.
- Berumur di antara 12 tahun – 16 tahun kecuali bagi lepasan Tahfiz.
- Mempunyai minat dan kesungguhan yang mendalam.
- Boleh membaca al-Quran dan menulis jawi dengan baik.
- Lulus temuduga.

## **TEMUDUGA**

- Temuduga pengambilan pelajar bagi semua jurusan hanya diadakan beberapa kali setahun.
- Permohonan dan pendaftaran temuduga akan dilakukan pada hari temuduga berlangsung.
- Tarikh temuduga tahunan akan diumumkan melalui mana-mana masjid/surau, intitusi pengajian lain, poster pemberitahuan dan internet.

## **PENDAFTARAN**

- Kemasukan pelajar baru ialah pada bulan Syawal dan bulan Januari setiap tahun.
- Pelajar yang lulus temuduga akan dihubungi melalui telefon dan dimaklumkan dengan surat penerimaan.
- Yuran, masa, tempat pendaftaran dan keperluan diri yang perlu dibawa akan dimaklumkan melalui surat penerimaan.

## **PEPERIKSAAN DAN UJIAN**

- Peperiksaan umum bagi Pengajian Tahfiz, Alim dan Tajwid hanya diadakan sebanyak dua kali setahun.
- Peperiksaan umum bagi pengajian Alim diadakan bagi menentukan sama ada individu tersebut layak ke pengajian yang seterusnya pada tahun yang berikutnya atau perlu mengulang pengajian dalam kelas yang sama.
- Peperiksaan bagi Pengajian Tahfiz dan Tajwid akan dilakukan oleh asatizah jemputan dengan Mesyuarat Asatizah.

## **MAJLIS KHATAM BUKHARI**

Majlis Khatam Bukhari diadakan pada setiap tahun dengan menghurai hadith terakhir daripada kitab Sahih al-Bukhari untuk meraikan dan mengijazahkan sanad hadis kepada graduan yang menamatkan Dauratul Hadis.

## **SIJIL DAN SYAHADAH**

Sijil-sijil madrasah hanya diberikan kepada pelajar-pelajar yang mengambil Peperiksaan Akhir Tahun atau Syahadah al-Quran. Setiap graduan akan mendapat sijil-sijil madrasah yang dikeluarkan bagi menunjukkan tanda penghargaan daripada pihak madrasah atas kecemerlangan pelajar tersebut keraja berjaya menamatkan jurusan pengajiannya.

## KESIHATAN PELAJAR

- Bilik rawatan disediakan untuk kemudahan pelajar yang sakit.
- Ubat-ubatan ringan diberikan secara percuma.
- Pesakit-pesakit serius dan kronik dibawa ke klinik panel Madrasah
- Pelajar-pelajar sakit diberi cuti bergantung kepada tahap sakit dengan kelulusan daripada Mudir Madrasah.

## WANG SIMPANAN

- Untuk kemudahan para pelajar, pihak madrasah menyediakan perkhidmatan simpanan wang.
- Setiap pelajar akan diberi buku akaun dan nombor akaun yang khusus.
- Bagi tujuan keselamatan, para pelajar hanya dibenarkan menyimpan RM20.00 sahaja pada diri.
- Urusan pengeluaran wang boleh dilakukan sebanyak sekali seminggu. (Jumaat)

## KEMUDAHAN

- Asrama
- Dewan makan
- Perpustakaan
- Surau
- Gelanggang permainan
- Koperasi
- Bilik sakit
- Water dispenser
- Wakaf (pondok rehat)

## YURAN MADRASAH

Yuran Madrasah terbahagi kepada dua:

- Yuran pendaftaran sebanyak RM200.00. Yuran pendaftaran hanya perlu dibayar sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian.
- Yuran bulanan madrasah ialah sebanyak RM180.00 merangkumi kos makan dan minum serta penginapan.

## HUBUNGI KAMI

### WAKTU URUSAN PEJABAT

Ahad-Khamis : 8.30 pagi - 11.30 pagi  
2.30 petang - 4.30 petang

Jumaat : 8.30 pagi - 10.45 pagi

### NO. TELEFON

Pejabat : +6 07-554 6407  
Fax : +6 07-554 6407  
H/P : +6 019-745 4046  
E-MAIL : mqsb.jb@gmail.com

### ALAMAT

Madrasah Al-Quran Sinaran Baru  
Lorong Langsat,  
Kampung Sinaran Baru,  
81300 Skudai, Johor.

# API MENTAATI PARA SAHABAT RADIYALLAHU ANHUM

KISAH SAYYIDINA TAMIM AD-DAARI ﷺ

Hadrat Mu'awiyah bin Harmal ﷺ berkata bahawa apabila saya tiba di Madinah, Sayyidina Tamim ad-Daari ﷺ telah membawa saya untuk makan bersama-sama.

Saya telah makan dengan banyak, tetapi masih tidak betul-betul kenyang sebab terlalu lapar. Kerana sebelum itu saya telah tinggal di masjid Nabawi selama tiga hari tanpa memakan sesuatu apa pun.

Pada suatu hari, api telah keluar secara tiba-tiba di Harrah (sebuah padang berbatu di Madinah).

Sayyidina Umar ﷺ telah datang kepada Sayyidina Tamim ad-Daari ﷺ lalu berkata, “Bangunlah dan lakukan sesuatu terhadap api ini!”

Sayyidina Tamim ad-Daari ﷺ berkata, “Wahai Amir ul-mukminin! Siapalah saya dan apalah saya ini?” (Beliau cuba merendahkan dirinya).

Sayyidina Umar ﷺ tetap menggesanya sehingga Sayyidina Tamim ad-Daari ﷺ telah bangun dan mereka berdua menuju ke arah api tersebut. Saya juga mengikuti mereka dari belakang.

Apabila sampai di sana, Sayyidina Tamim ad-Daari ﷺ telah mula menolak api tersebut dengan tangan beliau sehingga api itu telah kembali semula ke lembah tempat ia keluar. Sayyidina Tamim ad-Daari ﷺ terus mengikuti api tersebut ke dalam lembah itu.

Melihat kejadian ini Sayyidina Umar ﷺ berkata, “Mereka yang tidak melihat kejadian ini tidak akan sama dengan orang yang melihatnya.” (Kerana dengan melihatnya iman semakin meningkat).

Dalam riwayat Abu Nu'aim pula ada sedikit tambahan iaitu Sayyidina Umar ﷺ telah berkata kepada Sayyidina Tamim ad-Daari ﷺ, “Wahai Abu Ruqayyah! (Ini adalah nama kuniyah beliau) Untuk tugas-tugas seperti inilah kami menyembunyikan kamu.”

Sumber : Kitab Hayatus Sahabah, Jilid 3B, Bab 18 Api Mentaati Para Sahabat ﷺ

KEHIDUPAN PARA SAHABAT ﷺ

# HAYATUS SAHABAH

## Jilid 3B



**DAPATKANNYA SEKARANG!**  
**KLIK BUTANG DI BAWAH**

<https://rabih.onpay.my/order/form/hayatus-sahabah-3b>



# JANGAN BERKIRA-KIRA

## INFAQKAN HARTAMU, JANGAN KAMU SIMPAN

Sayyidatina Asma' ﷺ berkata bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "Teruslah menginfaqkan hartamu janganlah kamu berkira-kira, (jika kamu berkira-kira) maka Allah ﷺ pun akan berkira-kira dalam memberi kepadamu. Jangan kamu simpan, (jika kamu simpan) maka Allah ﷺ juga akan simpan (tidak memberi kepadamu). Infaqkanlah sebanyak mana yang kamu mampu."

(Misykat: Muttafaq 'alaih)

### Keterangan

Sayyidatina Asma' ﷺ ini ialah kakak kepada Sayyidatina Aisyah ؓ. Dalam hadis ini Rasulullah ﷺ telah memberi galakan untuk menambahkan infaq dengan beberapa cara.

Pertama-tama sekali Baginda ﷺ telah mengarahkan secara jelas untuk bersungguh-sungguh menginfaqkan harta. Namun, sudah jelas kepada kita bahawa infaq yang disukai ialah yang bertepatan dengan tuntutan syarak yang suci yang disalurkan kepada perkara-perkara yang diredai Allah ﷺ.

Menginfaqkan sesuatu bertentangan dengan syariat tidak mendatangkan pahala bahkan mendatangkan bala.

Selepas itu Baginda ﷺ telah melarang daripada berkira-kira dalam menginfaqkan harta yang merupakan penekanan terhadap arahan sebelumnya. Para ulama menerangkan dua maksud daripada kenyataan itu.

Pertama, 'berkira-kira' bermaksud kamu asyik menghitung wang kemudian wang itu disimpan. Maksudnya ialah jika kamu hitung-hitungkan dan kamu simpan maka pemberian Allah ﷺ kepada kamu pun akan dikurangkan. Sebagaimana kamu lakukan kepada orang lain demikianlah akan diperlakukan kepada kamu.

Maksud kedua ialah, jangan menghitung dalam memberi kepada faqir dan miskin agar kamu akan mendapat balasan dan pahala daripada Allah ﷺ pun tanpa hisab.

Sumber : Kitab Fadilat Sedekah, Bab Pertama : Fadilat Infaq

## KEMPEN INFAQ RM10/BULAN KEPADA DARUL ULUM MALAYSIA

Rasulullah ﷺ bersabda, "Sedekah menolak 70 macam bala dan bencana dan yang paling ringan ialah penyakit kusta dan sopak." (Riwayat al-Baihaqi dan al-Tabarani).

Darul Ulum Malaysia diasaskan untuk memudahkan perkongsian ilmu dan aktiviti madrasah, menjalin ukhuwwah, ulfah dan mahabbah sesama ulama, warga madrasah, masyarakat awam, ibu bapa, pelajar dan pencinta ilmu. Anda boleh melihat perjalanan aktiviti Darul Ulum Malaysia di <http://darululum.my>

Kami menjemput para hartawan dan umat Islam umumnya untuk menginfaqkan RM10/bulan kepada pihak Darul Ulum Malaysia untuk meneruskan aktiviti-aktiviti seterusnya.

Sebarang sumbangan dan infaq serta untuk urusan mendapatkan resit sumbangan, sila rujuk maklumat berikut:  
Nama Bank : Bank Islam  
Nama Akaun : Pertubuhan Amal Darul Ulum  
No. Akaun : 14238010008853  
Emel: dumalaysia@gmail.com



## **Darul Ulum Malaysia**

<http://darululum.my>

### **Infaq Darul Ulum Malaysia**

Nama Bank : BANK ISLAM

Nama Akaun : PERTUBUHAN AMAL DARUL ULUM

No. Akaun : 14238010008853

Emel: dumalaysia@gmail.com

Rasulullah ﷺ bersabda: “Amalan yang paling dicintai oleh Allah ﷺ adalah amalan yang berterusan walaupun jumlahnya sedikit.” (Bukhari)